

Sajak

Nor Faridah Abdul Manaf

Mimpi Kolkata

Enam helai sari kapas
Untuk enam beradik
Seorang meninggal kemalangan
Hari keenam Ramadan
Pada usia 38 - tika hidup baru bermula.

Aku lihat diriku melutut lemah
Tika berita itu dititipkan
Di saat hendak berbuka puasa.

Hanya sehari sebelum
Dia menghidangkan juadah puasa
Bagai hidangan istana Raja
Di rumah Bonda
Membuat kami semua gembira.

Itulah selamat tinggalnya.

Sekarang dia sudah tiada
Meninggalkan hati-hati yang lara dan anak berusia 2
Yang tidak akan tahu betapa dia sebagai ibu.

Semalam aku bermimpi kakak yang seorang lagi
Yang tewas oleh barah memakan diri
Mungkin mesej *facebook* yang aku terima lima bulan terlambat
Dari bekas pelajar yang ingin mencarinya
Hanya terjumpa nota aku mengumumkan Mek sudah tiada untuk menangis dan ketawa
bersama mereka.

Semalam. Seminggu selepas aku pulang dari Kolkata
Membawa hadiah seperti biasa
Aku mimpi ingin menghadiahkan sari kapas untuk Mek
Mek mengikuti aku dengan sabar dari belakang sementara aku mencari dan mencari sari
kapasnya

Walaupun dalam mimpi
tiada sari
--- untuk Mek.

Deir Yassin di Dalam Ingatan

Jangan sebut penindasan
Jangan salahkan orang lain
Jangan lihat Palestin sebagai mangsa.
Jangan tunjuk kesengsaraan mereka.

Kunci mulutmu
Ratakan rumah mereka
Beri mereka pil pelupa
Supaya mereka alpa peristiwa.

Bahawa sebuah kampung
Pernah dibakar, punah
Lelaki, wanita, anak-anak
Yang tua, muda
Semua musnah.

Hanya sedikit yang ingat Deir Yassin
Hanya sedikit yang peduli.

Sebuah kampung yang akhirnya
menjadi hospital gila
Supaya siapa juga yang melihatnya
akan ketawa dan mengejek.

Ini bukan tempat untuk hidup
Bukan juga tempat untuk mati.

Walaupun sudah menjadi debu
Zionis keji masih tidak puas hati
Mereka tidak boleh berganjak ke hadapan.

Teruknya hukuman jiwa
Ke atas mereka!

Zurich

Untuk sebuah kota yang begitu gah
Hanya ada dua baris di blog jalananku

Tiada yang murah di sini
Walaupun sekuntum senyum.

Biodata Penulis:

Nor Faridah Abdul Manaf

Kelahiran Bentong, Pahang pada 11 Januari 1963. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dari University of Waikato, New Zealand, Sarjana Sastera Inggeris dari University of Liverpool dan Ijazah Doktor Falsafah Sastera Inggeris dari The Flinders University of South Australia, Australia. Kini merupakan Timbalan Naib Canselor Jaringan Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau menulis puisi dan cerpen dan pernah memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 1997 menerusi cerpen “Kasut Hitler.” Tiga puisi ini diterjemahkannya dari kumpulan puisi kedua, *Travel Poetry* (2019, Silverfish Books). Sebelum itu, kumpulan puisi pertamanya, *The Art of Naming* (2006, Awards Publishing).